

13/11/1999

Zaharah yakin PM pertimbang permohonan

KOTA BHARU, Jumaat - Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yakin pucuk pimpinan parti akan mempertimbangkan permintaan supaya peruntukan kerusi bagi calon pergerakan itu ditambah pada pilihan raya umum kali ini.

Beliau berkata, permohonan itu sudah dimaklumkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan senarai calon akan dikemukakan oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno setiap negeri untuk dipertimbangkan.

Katanya, ahli Wanita Umno sentiasa berpegang teguh kepada prinsip perjuangan parti dan tidak pernah terpisah daripada matlamat memperjuangkan nasib serta masa depan rakyat.

Justeru, beliau menyangkal dakwaan kononnya jentera Wanita Umno tidak agresif semata-mata kerana ia tidak ditonjolkan secara terang-terangan.

"Saya anggap pandangan itu dibuat oleh mereka yang tidak menyedari kerja yang dibuat Wanita Umno dan semua itu sekadar tuduhan suara yang tidak kelihatan.

"Wanita Umno kini lebih matang dalam menangani pelbagai persoalan dan kita akan meneruskan strategi di samping akur terhadap arahan Presiden parti.

"Bukan semua yang dibuat perlu dihebahkan. Kita memberi perhatian terhadap taktik yang diguna pakai bersama untuk mendapatkan keputusan yang kita janjikan kepada parti dan Wanita Umno tidak bergantung kepada sebarang sentimen," katanya selepas menghadiri perasmian Majlis Perhimpunan Wanita Kelantan anjuran Majlis Perunding Hal-Ehwal Wanita (Hawa) Kelantan di sini, hari ini.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Siti Zaharah turut menasihatkan ahli Wanita supaya tidak menjadi mangsa eksploitasi pihak yang cuba menggugat perpaduan parti dan semangat kerjasama sepasukan mereka, terutama oleh pihak lawan.

Mengenai laporan muka depan sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini yang menyebut Dr Siti Zaharah sebagai antara pemimpin yang mungkin digugurkan, beliau menganggap perkara itu sebagai spekulasi semata-mata.

(END)